

EKSPLORASI KEPERLUAN REMAJA DALAM NOVEL 'MERDEKAKAN CINTA RATNA'

THE EXPLORATION OF TEENAGE NEEDS IN 'MERDEKAKAN CINTA RATNA'

Nurhamizah Hashim
Nursham Abdul Aziz
Mohamad Mokhtar Abu Hassan

Abstrak

Ketika seseorang individu berada dalam tempoh dan usia remaja, mereka akan mengalami beberapa proses perkembangan sama ada dari aspek fizikal mahupun aspek mental seperti perubahan anggota tubuh badan, emosi dan sikap. Hal ini bukan sahaja mencabar diri remaja itu sendiri, malah ia turut mencabar bagi kedua ibu bapa golongan remaja ini. Malah, dalam tempoh ini juga akan wujud pelbagai keperluan, keinginan dan kehendak yang diperlukan oleh golongan remaja bagi memenuhi impian, matlamat, visi dan misi yang dicita-citakan oleh mereka. Tujuan tulisan ini adalah untuk melihat keperluan remaja yang terdapat dalam novel remaja karya Sri Rahayu Mohd Yusop bertajuk *Merdekakan Cinta Ratna* terbitan Utusan Publication Sdn. Bhd. Novel ini akan dianalisis menggunakan Teori Hierarki Keperluan Manusia yang telah diperkenalkan oleh Abraham H. Maslow dengan melihat setiap peringkat yang dikemukakan oleh beliau. Terdapat lima peringkat keperluan yang utama dan menjadi asas kepada teori ini, iaitu pertama peringkat keperluan fisiologi, kedua, peringkat keperluan keselamatan, ketiga peringkat keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki, keempat peringkat keperluan penghargaan sendiri dan akhir sekali, kelima peringkat keperluan penyempurnaan sendiri.

Kata kunci: Remaja, keperluan remaja, novel remaja, Abraham H. Maslow, teori hierarki keperluan manusia, peringkat keperluan.

Abstract

When an individual is in a period of time, especially, in their teenage hood, this is the time when they will first experience the growth processes both in physical and mental aspects such as changes in their body, changes in their emotions and their attitudes. This is not only challenging period for the teenagers themselves, but also challenging for their parents. In fact, this is a period where there will be a variety of needs, desires and requirements needed by the youth to fulfill their dreams, goals, vision and mission desired by them. The purpose of this paper is to look at the needs of youth found in juvenile novel piece titled Merdekakan Cinta Ratna by Sri Rahayu Mohd Yusop issued by Utusan Publication Sdn. Bhd. This novel will be analyzed using the theory of Hierarchy of Human Needs which was introduced by Abraham H. Maslow to see every level put forward by him. There are five levels of needs and form the basis of this theory, the first stage of physiological needs, secondly, the safety needs, the third stage of the needs is belonging and love needs, the fourth stage of self-esteem needs, and finally, the fifth stage of the self-actualization needs.

Keywords: *Adolescents, adolescent needs, youth novels, Abraham H. Maslow, hierarchy of needs, level requirement.*

Pendahuluan

Menurut Othman Puteh (1989: 45), sastera remaja atau kesusasteraan remaja itu pada dasarnya haruslah dapat berperanan memberikan pendidikan dan hiburan pada masyarakat pembaca itu sendiri. Justeru, sastera remaja haruslah berupaya mengasah dan mengasuh kecergasan penghayatan nilai-nilai kemanusiaan, kemasyarakatan dan segala hal yang berhubungan dengan keperluan kehidupan. Manakala Abdul Ahmad (1998: 12) pula mengatakan bahawa konsep dan falsafah sastera remaja (novel remaja) dapat ditanggapi dengan penekanan terhadap empat faktor utama yang menjadi teras pengkaryaan, iaitu:

- a. Zaman remaja itu sendiri- zaman remaja bukan sahaja mencakupi usia remaja malahan meliputi aspek fizikal, emosi, mental, jasmani, biologikal, rohani pemikiran dan tingkah laku. Kesemua aspek ini haruslah dilihat secara bersepadu dan bukan dilihat secara berasingan agar zaman remaja itu ditafsirkan secara menyeluruh dan tepat. Dalam hal ini pengarang

memainkan peranan yang penting dalam proses menghasilkan karya supaya berjaya mewujudkan nilai *sense of belonging* dalam kalangan khalayak remaja.

- b. Penerapan nilai murni sebagai teras pengkaryaan – tidak dinafikan bahawa novel remaja berfungsi untuk menghiburkan pembaca. Antara perkara yang harus diutamakan atau ditekankan adalah nilai-nilai murni yang boleh mendidik serta memberi pengajaran kepada golongan remaja itu sendiri. Penerapan nilai-nilai murni atau unsur didaktik ini haruslah secara halus, wajar dan berimbang, iaitu tidak dipaksa-paksa dan tidak terlonjak ke suatu arahan atau perintah. Antaranya menghormati orang tua, bertanggungjawab, baik hati, sopan santun, berbudi bahasa, menjauhi sikap mementingkan diri sendiri, rasional, tidak berdendam, taat kepada perintah Allah SWT dan sebagainya.
- c. Penerapan unsur ilmu dalam karya – penerapan unsur ilmu ini boleh dilihat dari dua sudut, iaitu pertama, pengarang haruslah mempunyai pengetahuan tentang psikologi remaja dan kedua, pengarang perlu berusaha mempelbagaikan ilmu bantu yang sesuai dengan pengetahuan dan kehendak remaja dalam zaman teknologi maklumat ini. Disiplin ilmu yang dikehendaki dalam novel remaja seperti sains teknologi maklumat, ekonomi, undang-undang, sains sosial dan lain-lain.
- d. Aspirasi dalam karya – faktor ini menemukan pengarang sastera remaja dengan beberapa persoalan yang berhubung dengan karyanya. Persoalan-persoalan tersebut berkaitan dengan penggarapan tema yang sesuai, persoalan yang cuba dibangkitkan dalam karya, penggarapan plot yang harus serasi dengan tahap pemikiran dan kematangan remaja, penggunaan laras bahasa dan perkataan yang disenangi serta mudah difahami oleh golongan remaja ini. Sebarang tema karya dibolehkan melangkaui dunia remaja, namun persembahannya haruslah dalam jangkauan aspirasi remaja. Kegagalan pengarang menyesuaikan karya dengan aspirasi remaja berkemungkinan menyebabkan golongan ini semakin kurang berminat untuk mendekati sastera remaja.

Selain itu, Hashim Awang (1991: 14) menjelaskan bahawa sastera remaja merupakan sastera yang terhasil untuk golongan remaja,

iaitu golongan masyarakat yang memiliki pertumbuhan jasmani dan kejiwaan tersendiri. Selain itu juga, sastera remaja dikenal pasti menerusi sifat sastera yang membicarakan perihal diri remaja. Karya sastera untuk remaja mempunyai sudut pandangan, cita rasa dan perspektif remaja yang bersifat keremajaan. Tema yang ditonjolkan dalam karya biasanya bukan sahaja menyentuh dunia remaja dan keremajaan semata-mata malah ia turut mencakupi aspek di luar daerah usia remaja (Julia Unggai, 1998: 17).

Berdasarkan pandangan dan pendapat daripada sarjana-sarjana di atas, pengkaji melihat sastera remaja haruslah terdiri daripada bahan bacaan yang berkualiti serta dihasilkan bagi memenuhi psikologi, kehendak dan cita rasa remaja. Menurut Hashim Awang (1984), setiap karya yang dihasilkan oleh pengarang akan memperlihatkan kehidupan manusia dan suasana zamannya. Oleh itu, setiap karya seperti juga karya remaja yang dihasilkan mempunyai kepentingannya sendiri.

Selain bertujuan untuk memberi pendidikan (keperluan pengajaran serta pembelajaran) dan hiburan kepada masyarakat atau khalayak sasarannya, sastera remaja turut memainkan peranan dalam pembentukan minat membaca, pembinaan sahsiah dan pemikiran kritis serta memupuk semangat kewarganegaraan dalam kalangan remaja itu sendiri. Watak remaja yang protagonis dalam karya kreatif mestilah dijadikan model kepada para remaja. Manakala, watak-watak antagonis pula haruslah dijadikan teladan agar terhindar dari sikap kurang baik yang diwujudkan oleh pengarang.

Novel Remaja

Umumnya, novel remaja merupakan salah satu genre atau cabang yang terdapat dalam sastera remaja selain puisi, drama dan cerpen. Novel remaja memainkan peranan yang penting dalam mendidik serta membentuk keperibadian golongan remaja ke arah yang bersifat positif.

Tema yang diketengahkan dalam novel remaja mencakupi banyak tema yang jauh berbeza daripada tema untuk novel umum seperti tentang pengalaman kehidupan, permasalahan kesan interaksi dengan alam sekeliling, cerita berkaitan jenayah, hantu, selain tema kekeluargaan, konflik di sekolah, dalam lingkungan kawan-kawan dan persahabatan. Tidak terkecuali juga karya-karya yang menganjurkan muhibah dan perpaduan di samping yang bersifat nasionalisme.

Novel remaja banyak menonjolkan perkara-perkara yang positif, perkara kebaikan serta perkara yang memberikan pengajaran dan teladan, secara tidak langsung boleh menjadi medium untuk mendorong serta meningkatkan motivasi kepada golongan pembaca khususnya golongan remaja dalam mengejar dan mencapai matlamat dalam kehidupan mereka. Setiap manusia mempunyai matlamat dalam meneruskan kehidupan. Motivasi serta emosi memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan sesuatu tingkah laku atau personaliti peribadi seseorang.

Bermula dari era 1990-an sehingga kini, perkembangan novel remaja dalam sastera Melayu semakin mendapat tempat dan berkembang pesat. Hashim Awang (1997: 1) pernah mengatakan bahawa suatu keadaan paradoks berlaku dalam arus perkembangan novel remaja di Malaysia; penciptaan karya berkembang dengan pesat, tetapi kegiatan kritiknya bernafas lesu. Hal ini demikian kerana, pada awal perkembangan sastera remaja jumlah pengkritik tidak begitu ramai serta ilmu kritikan yang mereka ada masih belum mantap dan dikuasai sepenuhnya.

Menurut kajian Shahrin Nizal dalam disertasi sarjananya (2010: 4) jumlah kajian atau kritikan terhadap sastera remaja di Malaysia masih tidak banyak dihasilkan berbanding dengan kritikan terhadap sastera dewasa. Jikalau ada pun, ia bukanlah kritikan sastera secara serius, yang menggunakan pelbagai teori mahupun pendekatan tertentu. Kajian yang telah dilakukan oleh Shahrin Nizal ini telah menguatkan serta membuktikan kesahihan pandangan yang dikemukakan oleh Hashim Awang.

Keperluan Remaja

Secara asasnya keperluan remaja adalah sama dengan keperluan-keperluan orang dewasa. Bagaimanapun, tekanan-tekanan yang dihadapi dalam kitaran hidup golongan remaja, seperti perubahan-perubahan-perubahan fizikal, biologikal dan emosi mendorong golongan ini bertindak aktif, kreatif dan ada ketikanya agresif (Halis Azhan Mohd Hanafiah, 2002: 12).

Antara keperluan yang diperlukan oleh golongan remaja adalah seperti mahu diterima dalam sesuatu kelompok masyarakat, berkeinginan dilayan seperti orang dewasa, diterima pandangan

mereka, menjalinkan hubungan kasih sayang dengan berlawanan jantina dan bergaul dengan rakan sebaya.

Secara umumnya, golongan remaja akan mencuba dan meneroka sesuatu perkara dengan menyeluruh dan akan menentukan keperluan-keperluan mereka sendiri bebas daripada pengaruh dan ketentuan orang-orang dewasa (Halis Azhan Mohd Hanafiah, 2002: 10-35).

Teori Hierarki Keperluan Manusia: Satu Kerangka Analisis

Teori Hierarki Keperluan Manusia ini telah diperkenalkan oleh Abraham Harold Maslow (Abraham H. Maslow) pada tahun 1943 dalam dua kertas kerja yang berkait antara satu sama lain yang telah disiarkan dalam jurnal *Psychological Review*. Kertas kerja pertama bertajuk “*A Preface to Motivation Theory*”, diterbitkan pada bulan Januari manakala kertas kerja kedua, bertajuk “*A Theory of Human Motivation*”, diterbitkan pada musim luruh (Edward Hoffman, 1999: 142).

Menurut Maslow, teori Hierarki Keperluan Manusia ini digunakan untuk melihat pola keperluan yang dikehendaki oleh manusia. Teori ini dilihat sebagai suatu yang bersifat dinamik. Setiap individu akan cuba memenuhi tuntutan keperluan yang diperlukan oleh manusia. Teori Hierarki Keperluan Manusia ini terdiri daripada lima peringkat utama pada asalnya, iaitu pertama, Keperluan Fisiologi (*physiological needs*), kedua, Keperluan Keselamatan (*safety needs*), ketiga, Keperluan Kasih sayang dan Keinginan untuk dimiliki (*belonging and love needs*), keempat, Keperluan Penghargaan Kendiri (*esteem needs*) dan kelima, ialah Keperluan Penyempurnaan Kendiri (*self-actualization needs*) (Maslow, 1970: 35-47).

Namun, jika berlakunya kekangan, seseorang manusia itu akan kembali ke tahap keperluan sebelumnya, bagi tujuan mengisi kembali tuntutan itu. Peringkat-peringkat keperluan asal teori ini dapat digambarkan dengan lebih jelas menerusi Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Lima Peringkat Keperluan yang terdapat dalam Teori Hierarki Keperluan Manusia.

Keperluan Fisiologi

Keperluan fisiologi atau keperluan hayat ini merupakan keperluan yang utama dan perlu didahulukan. Maslow (1970: 36) menegaskan bahawa keperluan-keperluan pada peringkat ini mempunyai desakan yang paling kuat berbanding desakan terhadap keperluan-keperluan pada peringkat yang lain.

Menurut Maslow (1970: 36), keperluan pada peringkat ini haruslah dipenuhi oleh seseorang individu sebelum mereka bergerak untuk melangkah ke peringkat yang seterusnya. Keperluan fisiologi pada dasarnya mencakupi keperluan-keperluan yang paling asas merangkumi apa yang diperlukan bagi diri ataupun fizikal seseorang seperti keperluan untuk mendapatkan air, api, cahaya, angin dan udara.

Bagaimanapun dalam konteks kehidupan manusia, keperluan-keperluan asas ini dirumuskan sebagai keperluan untuk mendapatkan makanan, keperluan minuman, keperluan kejantinaan atau keperluan seks, keperluan mendapatkan tidur serta rehat yang secukupnya, dan keperluan mendapatkan tempat tinggal serta pakaian (Maslow, 1970: 36). Tanpa keperluan yang dinyatakan ini, manusia tidak akan dapat hidup dengan sempurna dan selesai.

Dalam novel *Merdekakan Cinta Ratna* karya Sri Rahayu Mohd Yusop ini, penulis telah menengahkan watak Muhammad Nur bin

Hamdan berusia 19 tahun dan masih menuntut dalam tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Perantau. Muhammad merupakan anak tunggal yang lahir dalam keluarga yang susah. Ayahnya tidak bekerja tetap serta mempunyai sikap panas baran dan kaki pukul.

Muhammad dan ibunya menjadi mangsa sikap ayahnya itu. Mereka sering dipukul apabila berlaku sesuatu yang tidak memuaskan hati ayahnya. Ibu dan ayahnya Muhammad telah lama hidup berantakan. Perenggan di bawah merupakan bukti bahawa ayah Muhammad seorang yang panas baran dan kaki pukul:

Ayah pulang, tiba-tiba seperti disampuk roh jahat, syaitan, ifrit, iblis dan jembalang – jadi berang tidak terkawal. Meja makan diterbalikkan.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 1)

Aku tak buat apa-apa kala tangan ayah melayang ke tubuh ibu.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 2)

Kalau aku bernasib baik, ayah akan diam sahaja. Kalau aku tidak bernasib baik, ayah lupa tubuh aku punya jirim dan akan bermomentum jika dihempas ke dinding. Ayah lupa yang objek-objek bisa pecah, bisa patah.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 108)

Sikap ayah Muhammad ini turut menyumbang kepada kekurangan fisiologi terhadap Muhammad dan ibunya. Justeru, keperluan di peringkat fisiologi ini amat mendesak Muhammad dan ibunya. Muhammad menginginkan keperluan untuk mendapatkan makanan dan minuman yang secukupnya buat dirinya dan ibunya.

Kehidupan Muhammad diibaratkan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Antara bukti yang menunjukkan Muhammad dan ibunya tidak mendapat keperluan makan dan minum yang secukupnya adalah seperti berikut:

Hidangan yang ibu susah payah sediakan, yang ibu berkira-kira dengan wang yang kami ada ketika dia ke pasar, dimasak dengan cukup berhati-hati dan berjimat, melayang tumpah ke lantai.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 1)

Merujuk kepada perkataan dan ayat ‘bersusah payah menyediakan makanan’, ‘berhati-hati’ dan ‘berjimat cermat’ seperti yang terdapat dalam perenggan di atas jelas menunjukkan bahawa Muhammad dan ibunya tidak mudah mendapatkan makanan dan minuman. Muhammad dan ibunya perlu berkira-kira dan berjimat cermat mengeluarkan wang yang ada bagi mendapatkan makanan dan minuman.

Peristiwa dalam petikan di atas terjadi apabila ayah Muhammad yang panas baran pulang ke rumah dalam keadaan marah-marah telah menterbalikkan meja makan yang ada di hadapan Muhammad dan ibunya. Akibat dari perbuatan ayahnya itu, segala hidangan yang ada di atas meja makan telah jatuh dan tumpah ke lantai. Hal ini telah menyebabkan Muhammad dan ibunya berasa amat kecewa.

Selain itu juga Muhammad mempunyai seorang ayah yang tidak bertanggungjawab, pemalas serta tidak menjaga Muhammad dan ibunya sebaik mungkin. Ayah Muhammad tidak bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk mencari rezeki keluarga walaupun ayahnya mempunyai empat bidang tanah sawah. Namun, Muhammad dan ibunya tidak pernah merasa wang daripada ayahnya. Segala perbelanjaan di rumah hanya ditanggung melalui hasil usaha daripada ibunya sahaja (*Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 108*).

Segala keperluan seharian dicari sendiri oleh Muhammad dan ibunya. Oleh hal yang demikian, pendapatan keluarga mereka menjadi tidak menentu. Justeru, bagi memenuhi keperluan Muhammad di peringkat fisiologi serta mendapatkan makanan dan minuman yang secukupnya, tindakan yang dilakukan oleh Muhammad ialah membantu ibunya menjual nasi lemak dan membuat beberapa kerja kampung seperti menebang pisang di kawasan kampung mahupun di sekitar rumah mereka. Buktinya seperti di bawah:

Aku jual nasi lemak di warung di simpang ke bandar.
(*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 108)

“Maafkan saya *teacher*, saya terlambat. Saya tolong mak saya tebang pisang tadi,” jelas Muhammad.
(*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 81)

Oleh hal yang demikian, dengan membantu ibunya menjual nasi lemak serta menebang pisang di keliling kawasan rumah, keperluan makanan dan minuman Muhammad bersama-sama ibunya telah dapat dipenuhi. Mereka berdua berusaha melakukan kerja-kerja kampung bagi menampung kehidupan seharian tanpa bantuan daripada ayah Muhammad.

Selain itu juga, bagi menampung pengajian Muhammad di tingkatan satu dan membuat modal untuk berniaga nasi lemak, ibu Muhammad telah menjual gelang emas pusaka peninggalan arwah nenek beliau (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 108).

Dalam novel *Merdekakan Cinta Ratna* pula, keperluan tempat tinggal dan kediaman yang selesa tidak dinyatakan secara jelas watak Muhammad. Didapati Muhammad dan ibunya tinggal di Kampung Raden Mas (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 93). Lihat petikan di bawah:

“Inikah rumahnya?” Faikah bertanya sambil menaikkan brek tangan. Mereka tiba di tepi lorong tanah merah di tengah sawah Blok 4, Kampung Raden Mas. Di depan mereka berdiri sebuah rumah kayu yang ternyata jauh dari rumah-rumah lain.
(*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 93)

Peristiwa ini berlaku apabila Muhammad tidak menghadirkan diri ke sekolah sejak dari hari Isnin hinggalah hari Khamis (15 Ogos) setelah peristiwa ibunya dipukul oleh ayahnya. Pada hari Khamis itu pula, telah berlangsungnya latihan drama yang membabitkan watak Muhammad. Oleh hal yang demikian, Cikgu Soraya bersama Cikgu Faikah telah ke rumah Muhammad untuk mencarinya.

Digambarkan dalam petikan di atas bahawa tempat tinggal dan kediaman Muhammad sekeluarga jauh dari rumah-rumah yang lain. Tempat tinggal dan kediaman Muhammad bersama ayah dan ibunya diperbuat daripada kayu dan berada di kawasan tanah merah dan di tengah sawah. Tempat tinggal dan kediaman Muhammad adalah bersifat sederhana. Muhammad dan ibunya tidak berapa menekankan aspek tempat tinggal dan kediaman ini. Bagi mereka, asal ada tempat untuk berlindung, itu sudah memadai. Ada perkara lain yang lebih mengganggu dan menekan kehidupan seharian mereka, iaitu sikap ayah Muhammad dan tidak bertanggungjawab, panas baran dan kaki pukul.

Namun begitu ada dinyatakan pada beberapa halaman dalam novel *MCR* ini bahawa Muhammad mempunyai biliknya sendiri. Hal ini dapat dilihat seperti petikan di bawah ini:

Muhammad berbaring di atas tikar di dalam biliknya.
(*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 111)

Aku hanya duduk di dalam bilik, seolah-olah boleh melegakan sakit perit ibu kalau aku tidak melihat apa yang terjadi.
(*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 2)

Di luar bilik itu peperangan sebenar sedang berlaku....
(*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 87)

Muhammad keluar dari biliknya setelah semuanya senyap....
(*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 88)

Keperluan tempat tinggal dan kediaman Muhammad telah terpenuhi dengan seadanya. Muhammad dan ibunya tinggal di rumah kayu dan mereka menjalani kehidupan seharian dengan tabah. Manakala dalam novel *Merdekakan Cinta Ratna*, keperluan Muhammad untuk mendapatkan pakaian yang baik, selesa dan sempurna tidak dinyatakan oleh penulis novel ini.

Berdasarkan analisis keperluan fisiologi di atas didapati bahawa keperluan fisiologi Muhammad telah terpenuhi setelah beberapa tindakan dilakukan. Muhammad akan cuba memenuhi keperluan pada peringkat yang seterusnya, iaitu keperluan keselamatan.

Keperluan Keselamatan

Keperluan yang kedua ialah keselamatan (Maslow, 1970: 39). Setiap individu memerlukan keperluan ini tetapi dengan kekuatan yang berbeza. Misalnya ada individu yang kurang mendapat keperluan ini dan menjadikannya lebih gemar menyendiri daripada masyarakat.

Namun begitu, ada juga individu yang mempunyai atau mendapat keperluan ini secara berlebihan sehingga menjadikannya seorang manusia yang sangat bergantung dalam banyak perkara pada orang lain yang berada di sekitarnya. Hal ini dapat dilihat melalui keadaan kanak-kanak yang tidak dapat hidup sendiri akan banyak bergantung pada ibu bapa mereka bagi mendapatkan keperluan mereka dengan tujuan agar mereka akan sentiasa dilindungi. Contohnya, jika mereka ditimpa sesuatu penyakit, jagaan daripada ibu dan bapa amat diperlukan bagi memastikan keselamatan mereka terjamin (Maslow, 1970: 39-41).

Manakala bagi individu dewasa pula, mereka amat memerlukan keadaan persekitaran yang stabil, aman, konsisten dan berasa selamat bukan sahaja meliputi aspek fizikal, malah aspek-aspek lain seperti aspek rohani dan aspek emosi. Keperluan ini lahir dari desakan nurani manusia sendiri yang lazimnya tidak akan selesa kalau hidupnya sering diburu ketakutan, kebimbangan dan rasa tidak menentu (Maslow, 1970: 41).

Seterusnya selepas Muhammad berjaya memenuhi keperluan pada peringkat fisiologi, Muhammad akan cuba memenuhi keperluan pada peringkat yang kedua iaitu keperluan keselamatan. Keperluan keselamatan Muhammad dalam *Merdekakan Cinta Ratna* ialah Muhammad mahu mendapat keselamatan dari aspek fizikal. Hal ini kerana, Muhammad berasa tidak selamat atau berasa terancam setiap kali ayahnya berada di rumah.

Antara sebab dan desakan utama Muhammad ingin memenuhi keperluan ini kerana Muhammad dan ibunya sering menjadi mangsa

sikap panas baran ayah Muhammad. Malah Muhammad sering dipukul oleh ayahnya tanpa rasa belas kasihan. Buktinya seperti petikan di bawah:

Kalau aku bernasib baik, ayah akan diam sahaja. Kalau aku tidak bernasib baik, ayah lupa tubuh aku punya jirim dan akan bermomentum jika dihempas ke dinding. Ayah lupa yang objek-objek bisa pecah, bisa patah.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 108)

Ayah datang dan campak kesemuanya ke dalam parit di hadapan orang-orang yang ada di situ. Aku ayah jinjing naik ke atas motosikal dan apabila sampai di kebun jagung di seberang parit depan rumahku, ayah kenakan aku. Aku terbaring saja di situ, tidak mendengar nafasku, tidak nampak apa-apa, seolah-olah aku dilindungi daripada untuk merasa. Apabila sedar, aku bangkit dan balik ke rumah. Rumah itu umpama telah digeledah keseluruhannya, dan ibu sedang menangis. Aku tahu ibu telah mendapat habuannya.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 109)

Berdasarkan petikan di atas dapatlah dirumuskan bahawa kehidupan Muhammad dan ibunya amat terseksa akibat perbuatan dan sikap seorang ayah dan suami.

Justeru, tindakan yang telah dilakukan oleh Muhammad bagi menyelamatkan dirinya dan ibunya daripada menjadi mangsa ayahnya ialah Muhammad telah bersedia untuk berhadapan dengan ayahnya. Lihat petikan di bawah:

Muhammad terus memeluk ibunya dari belakang.

“Saya dah sedia mak. Saya dah sedia”

Ibunya terkejut.

“Sedia untuk apa Muhammad?”

Ibunya meleraikan rangkulan Muhammad. Muka anak tunggalnya dipegang dengan kedua-dua belah tangan.

“Saya takkan tinggalkan mak. Muhammad akan bersama mak selama-lamanya.”

“Kau tak pernah tinggalkan mak. Kau ada di sini.”

“Tapi saya lari, saya sembunyi.”

“Tak mengapa Muhammad. Ini semua salah mak.”

“Saya akan ada di sisi mak walau apa pun jadi.”

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 88-89)

Petikan di atas merupakan bukti bahawa Muhammad berjanji dengan ibunya bahawa dia tidak akan sembunyi dan meninggalkan ibunya seperti selalu jika ibunya dipukul oleh ayahnya.

Aku hanya duduk di dalam bilik, seolah-olah boleh melegakan sakit perit ibu kalau aku tidak melihat apa yang terjadi. Tapi aku dengar segala-galanya. Aku dengar segala-galanya seperti aku berada di dalam terowong, berdengung-dengung. Ibu langsung tidak bersuara. Hanya ayah yang terjerit pekik, menyeranah dengan perkataan-perkataan yang aku tak ingin catatkan atau ingat atau sebut lagi. Buat sekian kali aku dengar hempasan pinggan mangkuk, satu demi satu, juga pukulan-pukulan seperti orang membanting padi. Aku tahu kenapa ibu tidak bersuara. Kerana ibu tidak mahu aku dengar. Kerana dia tahu ini akan merosakkanku.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 2)

Muhammad keluar dari biliknya setelah semuanya senyap. Ibunya sedang berkemas. Mengemas kecai-derai yang ditinggalkan oleh suaminya. Lelaki itu. Bapa Muhammad. Seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 88)

Manakala petikan di bawah ini menunjukkan bahawa buat pertama kalinya Muhammad membalas dan menegur perbuatan ayahnya:

Ayahnya telah menolak motosikalnya sehingga jentera kesayangan itu terbaring di atas tanah.

“Awak turun Waini!” ayah memerintah. Berderai air mata ibu. Ibu tahu apa yang bakal berlaku. Ibu akur sebab itulah caranya untuk sekian lama.

Muhammad menerpa ke pintu dan melompat ke tanah.

“Ayah, itu motosikal saya! Kenapa ayah buat macam ni?”

Muhammad betul-betul geram. Dia masih ingat betapa jerih-perih ibunya membelikan motosikal itu. Harapkan ayah jauh sekali.

“Emaknya bodoh, anaknya pun bodoh!”

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 113)

Petikan yang seterusnya ini pula menunjukkan bahawa Muhammad telah melawan serta berhadapan dengan ayahnya (beliau tidak lari dan bersembunyi seperti selalu) apabila ayahnya cuba merosakkan motosikal miliknya dengan menggunakan parang.

Ayahnya ayun parang, kena pada lampu belakang motosikal. Lampu belakang motosikal itu terkulai. Sekali lagi ayun, ia tercampak jauh ke dalam semak.

“Ayah! Ini motosikal saya!” Muhammad merayu.

Ayahnya ke hadapan dan lampu hadapan pula menjadi sasaran. Berderai.

“Kau tak pandai jaga motosikal, biar aku rosakkan sekali!” jerkahnya.

Muhammad begitu terdesak. Dia meluru lalu di paut tangan ayahnya dengan kuat. Ayahnya terhenti di situ.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 114)

“Anak derhaka! Kau melawan, ya!”

Muhammad mencium tanah, tidak rasa apa-apa.

Ayahnya beralih ke sasaran seterusnya.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 114)

“Saya hadapi, saya tak lari lagi, tak lari lagi...”

Muhammad tercungap-cungap. Menahan perit dengan ilusi dia telah berjaya.

(Merdekakan Cinta Ratna, 2003: 125)

“Ayah?”

“Saya, saya lawan ayah.”

(*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 125)

Kesan daripada tindakan yang telah dilakukan oleh Muhammad sebagaimana contoh di atas, akhirnya Muhammad dan ibunya telah diselamatkan oleh Ustaz Ilyas dan beberapa orang kampung. Setelah kejadian Muhammad melawan ayahnya dan ibunya telah dipukul, Muhammad telah bergegas ke kawasan sekolah bagi mendapatkan pertolongan. Ketika sampai di sekolah, secara kebetulan Ustaz Ilyas dan Encik Sethemberan masih berada di kawasan sekolah. Mereka mendekati Muhammad yang terhuyung-hayang dan tubuh badannya berlumuran darah (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 124-125).

Muhammad telah dimasukkan ke hospital untuk menjalani pembedahan bagi menghentikan pendarahan pada abdomennya manakala ibu Muhammad hanya dirawat sebagai pesakit luar. Ayah Muhammad pula telah ditahan oleh pihak berkuasa. Muhammad kini telah bebas daripada ayahnya yang panas baran serta ibu Muhammad pula bebas daripada menjadi mangsa suaminya yang merupakan seorang kaki pukul. Buktinya seperti petikan di bawah:

Pak Hamdan telah ditahan polis dan akan melalui prosedur undang-undang seterusnya. Muhammad dan ibunya akan terus tinggal di rumah mereka kerana Pak Hamdan bukan lagi ancaman buat masa terdekat ini.

(*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 124-125)

Oleh itu, setelah ayah Muhammad dipenjarakan, Muhammad dan ibunya tidak lagi menjadi mangsa pukul akibat sikap panas baran ayahnya. Muhammad telah berjaya memenuhi keperluan di peringkat kedua dan seterusnya beliau akan pada peringkat yang ketiga, iaitu keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki.

Keperluan Kasih Sayang dan Keinginan Dimiliki

Maslow menegaskan bahawa lumrah manusia adalah untuk hidup berkelompok dan diterima sebagai sebahagian kelompok itu (Maslow, 1970:43). Ini dapat dibuktikan pada perenggan di bawah:

He will hunger for affectionate relations with people in general, namely, for a place in his group or family, and he will strive with great intensity to achieve this goal.
(Maslow, 1970: 43)

Kasih sayang adalah satu sifat terpuji yang amat digalakkan bagi setiap individu. Setiap insan mahu diri mereka disayangi. Oleh itu, wujud sistem kekeluargaan dalam masyarakat yang berteraskan kasih sayang ini untuk kehidupan yang aman damai. Apabila sifat kasih sayang mula luntur ditambah pula sifat dendam dan kebencian, ianya akan menjanjikan kehancuran kepada sesuatu bangsa atau masyarakat.

Sebagaimana yang telah diketahui, telah menjadi lumrah sebagai seorang manusia, menginginkan serta memerlukan kasih sayang daripada seseorang yang rapat dengan mereka seperti ibu, bapa, adik-beradik, saudara mara dan teman-teman. Selain itu, manusia juga mempunyai keinginan untuk menjalinkan perhubungan dan persahabatan istimewa dengan seseorang yang berlainan jantina, iaitu percintaan atau menjalinkan hubungan kasih sayang antara lelaki dan perempuan. Hubungan percintaan dan kasih sayang menurut Maslow (1970: 44) melibatkan memberi dan menerima kasih sayang.

Also not to be overlooked is the fact that the love needs involve both giving and receiving love.
(Maslow, 1970:44)

Namun begitu, satu perkara yang amat ditekankan oleh Maslow adalah perasan cinta dan kasih sayang, tidak boleh sama sekali disamakan dan dikaitkan dengan seks, Pada beliau, keperluan seks hanya dilihat sebagai keperluan fisiologi semata-mata (Maslow, 1970: 44).

Pada peringkat keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki ini, Muhammad menginginkan keluarga yang bahagia serta perhatian dan kasih sayang daripada ayahnya seperti mana orang lain. Desakan utama untuk memenuhi keperluan ini adalah kerana ayah Muhammad tidak pernah menunjukkan perasaan kasih dan sayangnya terhadap Muhammad seperti mana yang sepatutnya dilakukan oleh seorang ayah.

Tindakan yang telah dilakukan oleh Muhammad bagi memenuhi keperluan ini ialah Muhammad menawarkan diri untuk menulis skrip pementasan drama yang akan berlangsung di sekolahnya (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 45). Dalam penulisan skrip tersebut Muhammad telah menumpahkan segala perasaan dan kesakitannya terhadap ayahnya selama ini dengan cara menulis keseluruhan skrip drama tersebut. Watak ayahnya dalam skrip tersebut digambarkan sebagai Pateh Kerma Wijaya, yakni seorang pembesar Melaka yang jahat, suka ambil rasuah, pentingkan diri sendiri dan khianat (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 74, 136).

Kesan daripada tindakan yang telah dilakukan oleh Muhammad setelah menumpahkan segala perasaannya ke dalam skrip drama ialah perasan terluka dan sedihnya terhadap ayahnya semakin berkurangan kerana telah diluahkan perasan itu dalam bentuk skrip. Malah Muhammad turut diterima menjadi sebahagian daripada kumpulan sutradara drama merdeka (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 46).

Di samping itu, di peringkat keperluan ini, Muhammad turut ingin memenangi hati terhadap rakan sekelasnya, iaitu Aliya (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003:150-151). Desakan utama untuk memenuhi keperluan ini adalah kerana Muhammad telah menaruh hati terhadap Aliya tanpa beliau sedari. Hal ini kerana Muhammad terkesan dengan sikap Aliya yang mengambil berat dan rajin menegur kesalahannya. Malah Aliya juga berani mengkritik dirinya (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 7, 48).

Tindakan yang telah dilakukan oleh Muhammad untuk memenuhi keperluan ini ialah Muhammad telah bersetuju memegang watak utama dalam drama *Merdekakan Cinta Ratna* apabila mengetahui Aliya akan menjadi heroinnya (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 77). Oleh hal yang demikian kesan daripada tindakan yang telah dilakukan oleh Muhammad ini ialah hubungan Muhammad dengan Aliya semakin baik malah Aliya telah menerima Muhammad sebagai sahabatnya malah pementasan drama yang dipentaskan berjalan dengan lancar dan jayanya (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 165-167).

Setelah keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki ini terpenuhi dan tercapai, maka Muhammad akan memenuhi kekurangan di peringkat seterusnya, iaitu keperluan penghargaan sendiri.

Keperluan Penghargaan Kendiri

Peringkat keperluan keempat, iaitu peringkat penghargaan sendiri atau dikenali sebagai *self-esteem* (Maslow, 1970: 45-46). Antara salah satu unsur utama dalam pembinaan konsep sendiri adalah penerimaan yang turut dikenali sebagai penghargaan sendiri. Menjadi lumrah dalam kitaran hidup manusia mempunyai perasaan ingin dihargai, dihormati, diterima oleh keluarga, masyarakat dan rakan sebaya. Selain itu juga, manusia turut memiliki harga diri serta kehormatan diri. Perkara ini dapat dilihat baik dari aspek fizikal mahupun dari aspek emosi setiap manusia (Maslow, 1970: 45).

Maslow telah membahagikan keperluan penghargaan sendiri yang akan dinikmati oleh manusia dalam dua keadaan, iaitu pertama, keperluan penghargaan sendiri yang tinggi, iaitu manusia itu sendiri tahu menilai dan menghargai dirinya serta menghormati diri sendiri seperti berasa yakin, cekap, berdikari dan bebas. Kepuasan dalam konteks ini melibatkan rasa yakin manusia bahawa dia mempunyai keyakinan diri, kebolehan, kekuatan, kemampuan, dan kehadirannya sangat berguna dan diperlukan dalam urusan-urusan tertentu (Maslow, 1970: 46). Kedua, merujuk kepada sikap menghormati orang lain, dan apabila individu tersebut mendapati orang lain melahirkan rasa hormat kepadanya. Rasa hormat ini hadir dalam bentuk pengiktirafan, status, pemasyhuran, penghargaan, perhatian, kepentingan, maruah, dan kekuasaan (Maslow, 1970: 45).

Berdasarkan novel *Merdekakan Cinta Ratna*, keperluan Muhammad pada peringkat ini ialah beliau mahukan orang lain menghargai dirinya dan mahu dirinya diterima dalam kelompok kawan-kawan dan guru-guru di sekolah. Desakan utama bagi memenuhi keperluan ini adalah kerana Muhammad berasa rendah diri dengan keadaan dirinya yang sebelum ini terkenal sebagai seorang pelajar yang bermasalah dan gemar melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

Oleh hal yang demikian, tindakan yang telah dilakukan oleh Muhammad bagi memenuhi keperluan ini ialah, beliau telah menawarkan diri untuk menulis skrip untuk pementasan drama sempena sambutan hari kemerdekaan.

Kesan daripada tindakan yang dilakukan oleh Muhammad itu ialah kawan-kawan serta guru-guru di sekolah tersebut amat berbangga

dengan bakat dan keistimewaan Muhammad. Selain itu juga Muhammad telah ditawarkan memegang watak utama dalam pentas drama itu dan menjadi sebahagian daripada kumpulan sutradara drama merdeka (*Merdekakan Cinta Ratna*, 2003: 76-78).

Muhammad telah berjaya diterima dalam kelompok kawan-kawan dan guru-gurunya di sekolah. Beliau berasa amat gembira dan terharu dengan penghargaan yang telah diberikan kepadanya.

Keperluan Penyempurnaan Kendiri

Penyempurnaan kendiri atau penghakikian kendiri, iaitu manusia sudah mencapai kepuasan tertinggi dalam hidupnya dalam bidang yang diterokai dan dia dapat menguasai bidang tersebut secara menyeluruh dan dengan sebaik-baiknya (Maslow, 1970: 46). Namun begitu, menurut Maslow, golongan muda atau remaja tidak akan mampu mencapai tahap penyempurnaan kendiri ini disebabkan beberapa perkara. Antaranya adalah kerana golongan muda ini masih dalam proses mencari identiti diri dan masih belum cukup pengalaman hidup.

Manusia yang sudah memenuhi keperluannya pada peringkat ini akan merasa gembira dan berpuas hati sekiranya dapat menolong orang lain mengecapi impian mereka. Mereka juga dapat menerima keadaan diri sendiri serta orang lain dan alam sekitarnya (Maslow, 1970: 155). Apabila keperluan asas telah dipenuhi, keperluan kepada penyempurnaan kendiri dan perkembangan akan ketara. Manusia akan mencari matlamat hidup dan berusaha ke arah sempurna kendiri dalam potensi diri yang ada pada mereka.

Jika dilihat dalam novel *Merdekakan Cinta Ratna* ini, didapati bahawa watak utamanya Muhammad masih lagi belum berjaya mencapai peringkat penyempurnaan kendiri. Hal ini kerana Muhammad masih lagi dalam proses berusaha ke arah menjadi yang lebih baik. Malah beliau masih lagi belajar. Namun begitu beliau mempunyai matlamat yang jelas, yakni mahu melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, berdasarkan penelitian tentang keperluan-keperluan watak Muhammad dalam *Merdekakan Cinta Ratna* didapati bahawa keperluan ini muncul apabila watak tersebut mengalami kekurangan dalam aspek-aspek tertentu sepanjang menjalani kehidupan seharian.

Pada peringkat keperluan fisiologi, Muhammad dan ibunya telah bertungkus-lumus bagi memenuhi keperluan mendapatkan makanan, minuman, tempat tinggal yang sempurna. Pada peringkat keselamatan pula didapati Muhammad mengalami gangguan keselamatan dari aspek fizikal (Muhammad sering dipukul oleh ayahnya yang bersikap panas baran). Ancaman keselamatan dari aspek fizikal ini menyebabkan Muhammad berasa tidak selamat. Manakala pada peringkat kasih sayang dan keinginan dimiliki pula Muhammad mahukan sebuah keluarga yang bahagia seperti orang lain dan juga beliau mahu menjalinkan hubungan persahabatan dengan Aliya kawan sekelasnya. Seterusnya peringkat penghargaan sendiri Muhammad ingin dirinya diterima oleh kawan-kawan dan guru-guru di sekolah. Keempat-empat peringkat yang dinyatakan di atas telah berjaya dicapai dan dipenuhi oleh Muhammad. Namun begitu, peringkat yang kelima, iaitu penyempurnaan sendiri masih belum lagi dicapai oleh Muhammad kerana beliau masih berusaha ke arah mencapai matlamat yang diinginkannya.

LAMPIRAN

Jadual 1: Peringkat Keperluan Muhammad Dalam Novel *Merdekakan Cinta Ratna*

| MUHAMMAD NUR BIN HAMDAN | KEPERLUAN (akibat kekurangan) | SEBAB (desakan untuk memenuhi keperluan) | TINDAKAN (tingkah laku) | KESAN (daripada tindakan) |
|---|--|---|---|--|
| Fisiologi | Makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna. | Muhammad dan ibunya tidak mendapat keperluan asas yang secukupnya kerana ayahnya seorang yang tidak bertanggungjawab. | Muhammad Membantu ibunya dengan membuat pelbagai kerja seperti menjual nasi lemak dan menebang pisang. | Muhammad dan ibunya mampu meneruskan kehidupan walaupun dalam keadaan serba sederhana. Muhammad masih mampu meneruskan pengajiannya di sekolah seperti org lain. |
| Keselamatan | Keselamatan dari aspek fizikal (ancaman dari ayahnya). | Muhammad berasa tidak selamat dari segi fizikal akibat tidak mendapat perlindungan yang sepatutnya dari ayahnya. Malah Muhammad sering dipukul oleh ayahnya | Muhammad telah mencari kekuatan untuk berhadapan dan melawan ayahnya dan beliau tidak bersembunyi seperti selalu. | Ayah Muhammad telah ditahan oleh pihak berkuasa. Ibunya hanya mengalami luka ringan serta ayahnya bukan lagi ancaman kepada mereka berdua |
| Kasih sayang dan keinginan untuk dimiliki | i)Meninginkan keluarga yang bahagia serta perhatian dan kasih sayang dari ayahnya seperti mana orang lain. | Ayahnya tidak pernah menunjukkan perasaan sayangnya terhadap Muhammad tidak | Muhammad menawarkan diri untuk menulis skrip pementasan drama. Dia telah menumpahkan | Perasan terluka dan sedihnya terhadap ayahnya semakin berkurangan kerana telah diluahkan perasaan itu |

| | | | | |
|----------------------------|--|---|---|--|
| | <p>ii)Memenangi hati rakan sekelasnya, Aliya (hlm 150,151)</p> | <p>mendapat kasih sayang dari seorang yang bergelar ayah</p> <p>Hanya Aliya sahaja yang rajin menegur kesalahan dan mengkritiknya</p> | <p>segala perasaan dan kesakitannya selama ini dengan cara menulis keseluruhan skrip drama</p> <p>Muhammad telah bersetuju memegang watak utama dalam drama Merdekakan Cinta Ratna apabila mengetahui Aliya akan menjadi heroinnya.</p> | <p>dalam bentuk skrip drama.</p> <p>Pementasan yang dijalankan berjalan dengan lancar dan jayanya. Manakala Aliya telah menerima Muhammad sebagai sahabatnya</p> |
| <p>Penghargaan sendiri</p> | <p>i)Mahukan orang lain menghargai dirinya dan diterima dalam kelompok kawan-kawan dan guru di sekolah</p> | <p>Berasa rendah diri dengan keadaan dirinya kerana beliau dikenali sebagai seorang pelajar yang bermasalah dan gemar melanggar peraturan sekolah</p> | <p>Menawarkan diri menulis skrip untuk drama sempena sambutan hari kemerdekaan</p> | <p>kawan-kawan serta guru-guru di sekolah tersebut amat bangga dengan bakat dan keistimewaan Muhammad. Dirinya telah dihargai dan diterima kawan-kawan dan guru-guru malah Muhammad telah menjadi sebahagian daripada kumpulan sutradara drama merdeka dan</p> |

| | | | | |
|-----------------------|---------------------------------------|---|--|--|
| | | | | memegang watak utama dalam pementasan drama itu. |
| Penyempurnaan sendiri | Belum tercapai. Berusaha ke arah ini. | Muhammad mempunyai matlamat yang jelas, iaitu ingin berjaya dan melanjutkan pelajaran ke menara gading. | | |

Bibliografi

- Abdul Ahmad. 1998. "Konsep dan Falsafah Novel Remaja di Malaysia" dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Mei: 12-16.
- Edward Hoffman. 1999. *The Right To Be Human: A Biography of Abraham Maslow Revised and Updated*. United States of America: McGraw-Hill.
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. 2002. Novel-novel Zailani Taslim: Analisis Kehendak Remaja. *Disertasi Sarjana*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Awang. 1984. *Teman Pelajar Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Hashim Awang. 1991. "Kritikan dan Sastera Remaja" dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Julai: 14-17.
- Julia Unggai. 1998. "Hierarki Kehendak Manusia Maslow dalam Novel Remaja" dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Mei: 17-23.

- Maslow, A.H. 1970. *Motivation and Personality*, 2nd Edition. New York: Harper and Row Publishers.
- Othman Puteh. 1989. *Sastera Remaja Ditinjau daripada Beberapa Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahrin Nizal Mohd Nor. 2010. Kritikan Sastera Remaja dari Tahun 1980 hingga 2008: Suatu Analisis. *Disertasi Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sri Rahayu Mohd Yusop. 2003. *Merdekakan Cinta Ratna*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.